

08/11/2001

EAEG: Asean akhirnya terima syor Dr Mahathir

PADA Julai tahun lalu, gambarannya sudah pun terserlah bahawa pertemuan Asean+3 yang berlangsung di Bangkok adalah bersejarah sebagai menggambarkan negara di Asia Timur menerima dan melaksanakan usaha mewujudkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) ke arah membentuk kerjasama dalam semua sektor utama. Ini disusuli pula Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Ke-4 di Singapura, November tahun lalu, apabila pemimpin Asean merasakan penubuhan EAEC, yang asalnya ditolak gara-gara pengaruh Amerika Syarikat, sebenarnya semakin perlu. Ketika itu, mereka mencadangkan supaya Asean+3 dijadikan satu entiti secara formal dan memastikan pertubuhan serantau itu mempunyai tapak yang kukuh.

Bertali arus daripada perkembangan itu, sokongan ketua-ketua kerajaan Asean dan tiga rakan dialognya - China, Jepun dan Korea Selatan - terhadap cadangan Malaysia bagi mewujudkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) pada akhir Sidang Kemuncak Asean Ke-7 di Bandar Seri Begawan kelmarin, adalah sesuatu yang lambat-laun akan dipersetujui juga. Namanya mungkin berbeza daripada cadangan asal yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kira-kira 11 tahun lalu, tetapi gagasannya tetap sama. Antara lain, Asean+3 bersetuju mengukuhkan kerjasama ekonomi serta meningkatkan kerjasama serantau bagi mengukuhkan sistem perdagangan multilateral.

Dengan tertubuhnya EAEG nanti, tidak syak lagi ia akan dapat menyeimbangkan pembangunan di rantau Asia Timur dengan rantau lain di dunia. Tambahan selepas krisis kewangan, masyarakat mula berfikir bahawa ia boleh menjejaskan ekonomi banyak negara di Asia Timur sedangkan Barat mendapat faedah daripada krisis berkenaan. Ia dengan sendirinya adalah satu pengiktirafan selain kesedaran terhadap perlunya bagi negara-negara di rantau ini memiliki suara dalam pelbagai isu. Di sebalik gagasan baru ini bukan bertujuan membina blok perdagangan, negara-negara Asia Timur menyedari pentingnya bekerjasama tanpa mengamalkan dasar perlindungan dagangan eksklusif dengan meletakkan tembok dan hadangan.

Sama ada penubuhan EAEG dibantah Amerika atau sebaliknya selepas ini, hakikat yang harus diterima ialah China, Jepun dan Korea Selatan menunjukkan minat serius untuk bekerjasama dengan Asean. Ini berlawanan dengan keadaan sebelumnya apabila Jepun dan Korea tidak begitu berminat, itupun hanya kerana Amerika menolak gagasan berkenaan yang dikhuatirinya menjadi satu lagi blok dagangan. Namun kini Korea sendiri mahu EAEG dilaksanakan. Dengan Eropah sudah mempunyai Masyarakat Eropah (EC) dan Amerika memiliki Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta), memang tepatlah pendirian Korea bahawa rantau ini wajar mempunyai organisasi sendiri.

Penerimaan terhadap cadangan penubuhan EAEG adalah kejayaan besar bagi Malaysia, khususnya Dr Mahathir, selepas mengharungi pelbagai halangan. Antaranya, bekas Setiausaha Negara Amerika di bawah pentadbiran Presiden George Bush, James A Baker, pernah mengakui negaranya bukan saja menentang, malah berusaha sebaik mungkin untuk membunuh gagasan berkenaan. Jauh daripada mengalah, Dr Mahathir dalam reaksinya terhadap pengakuan Baker ketika itu melahirkan keyakinan gagasan berkenaan tetap akan berjaya dibentuk meskipun usaha itu harus mengambil masa 100 tahun lagi. Kini cuma selepas hanya satu dekad, EAEG semakin hampir menjadi kenyataan.

(END)